

**NO. SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9304**

**SOALAN:**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang diambil untuk mencegah senjata diseludup ke Malaysia dan lesen kawalan senjata berikutan bilangan kes-kes mangsa yang ditembak mati di tempat awam baru-baru ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberikan perhatian serius untuk memelihara keselamatan dan kententeraman awam daripada sebarang ancaman oleh penjenayah yang boleh menimbulkan ketakutan kepada rakyat khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara ini.**

**Pelbagai langkah telah diambil bagi mengawal kemasukan senjata api secara haram khususnya melalui sempadan negara seperti berikut:-**

- i) Mengadakan kerjasama dengan negara-negara ASEAN berkaitan *Trans border crime* yang mana agenda penyeludupan senjata api diberi perhatian serius dan setiap ahli menandatangi '*protocol against the illicit manufacturing and the trafficking in firearms, their parts and components and ammunition; supplementing the United Nations Convention against Transnational Organised Crime*';
- ii) Menggalakkan pertukaran maklumat antara Negara Ahli melalui Sekretariat ASEANAPOL atau melalui e-ADS (Aseanapol Data System) berkaitan penyeludupan senjata api;

- iii) Menggalakkan Negara-negara Ahli berkongsi pengalaman dan amalan baik dalam usaha mencegah dan membentera penyeludupan senjata api;
- iv) Membuat perolehan untuk mesin pengimbas (*scanner machine*) yang lebih moden dan canggih untuk ditempatkan di semua pintu masuk ke dalam Negara;
- vi) Meningkatkan lagi Ops Laras dan Ops Api bagi mengesan senjata api yang diseludup dan yang berada dalam Negara;
- vii) Tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan *Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001* (AMLATFA) akan diambil jika terbukti terdapat elemen kongsi gelap dan penyalahgunaan dadah dengan menggunakan senjata api; dan
- viii) Operasi yang berterusan sentiasa dilaksanakan oleh pasukan *Special Tactical on Organised Crime* (STAFOC) yang benar-benar memberi impak besar kepada jenayah terancang dalam negara ini.

Kementerian juga telah mengambil langkah proaktif bagi memperketatkan kawalan di sempadan dengan menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dengan menggabungkan agensi-agensi penguatkuasa di sempadan seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM),

**Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bekas anggota Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Lembaga Tembakau dan Kenaf Negara (LKTN) supaya tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih holistik dan bersepadu bagi mengekang ancaman daripada anasir luar dan juga aktiviti penyeludupan termasuk senjata api.**